

BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

- 1 Antara berikut, faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran tinggi ialah
- I amalan perancangan keluarga
 - II wanita suri rumahtangga
 - III taraf pendidikan rendah
 - IV dasar kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Jadual 1 merujuk kepada jumlah penduduk negara Malaysia.

Tahun	Jumlah Penduduk
2000	23 juta
2008	27 juta


Jadual 1

- 2 Mengapakah perubahan jumlah penduduk tersebut berlaku?
- I Taraf kesihatan tinggi
 - II Taraf pendidikan tinggi
 - III Amalan perancangan keluarga
 - IV Dasar kependudukan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

<ul style="list-style-type: none"> • Kadar kelahiran : 4.0% • Kadar kematian : 0.5%

- 3 Berapakah kadar pertumbuhan penduduk semula jadi negara **S**?
- A 1.5%
 - B 2.5%
 - C 3.5%
 - D 4.5%

Apakah ciri kependudukan piramid penduduk di bawah?



- 4
- I Kadar kematian tinggi
 - II Kadar kelahiran tinggi
 - III Kumpulan muda rendah
 - IV Kumpulan tanggungan rendah
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

Maklumat berikut adalah ciri kependudukan Negara Y

- Kadar kelahiran : 2.6%
- Kadar kematian : 0.4%

- 5 Berapakah kadar pertumbuhan penduduk semula jadi Negara Y?
- A 1.5%
 B 2.2%
 C 2.6%
 D 3.0%
- 6 Apakah fungsi petempatan desa kepada bandar?
- I Sumber tenaga buruh
 - II Pusat pentadbiran
 - III Pusat perindustrian
 - IV Pasaran barangan siap
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

7 Kombinasi manakah benar tentang bandar dan fungsinya?


	Bandar	Fungsi Bandar
A	Ayer Keroh	Bandar pelabuhan
B	Kota Kinabalu	Bandar perlombongan
C	Putrajaya	Bandar satelit
D	Tanjung Malim	Bandar pendidikan


8 Antara berikut yang manakah sumbangan petempatan bandar kepada petempatan luar bandar?

- I Menyediakan tenaga kerja
 - II Menyediakan bahan mentah
 - III Menyediakan tapak industri
 - IV Menyediakan kemudahan pendidikan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- Petempatan terancang
- Tanaman kontan
- Bertujuan membasmi kemiskinan

9 Huraian di atas merujuk kepada kawasan bertanda





- 10 Apakah fungsi kawasan **P** dan **Q** dalam peta di atas?
- A Kawasan IKS
 - B Pusat pentadbiran
 - C Pusat pengumpul hasil pertanian
 - D Pusat pengumpul hasil perikanan

BAHAGIAN B : KEMAHIRAN

Jawab **semua** soalan

Soalan 1 hingga soalan 5 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2013. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


1 (a) Kira bearing masjid Kg. Cengal (RG 715761) dari kuil (RG 731786)
° [2 markah]

(b) Ukur jarak jalan kereta api bermula dari jambatan batu (RG 665716) hingga ke jambatan besi (RG 709722)
 km [2 markah]

2 (a) Nyatakan ciri fizikal utama yang menyebabkan kawasan barat laut peta mempunyai taburan penduduk jarang.
 [1 markah]

3 (a) Aras ketinggian jalan raya di RG 723787 ialah meter [1 markah]

(b) Senaraikan dua kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di dalam segi empat grid di bawah tanpa menjejaskan alam sekitar.



i)
 ii) [2 markah]


4 (a) Sebutkan nama tanaman kontan utama di dalam peta
 [1 markah]

(b) Mengapakah tanaman di 4(a) boleh ditanam dengan meluas di dalam peta.

i).....
 ii).....
 iii)..... [3 markah]

- 5 (a) Namakan pola petempatan yang terdapat di RG 6476
..... [1 markah]
- (b) Berikan dua sebab mengapa pola petempatan di 5(a) berbentuk sedemikian
(i)
(ii) [2 markah]
- (c) Jelaskan bagaimana Hutan Rizab Senangin menyumbang kepada alam sekitar
(i).....
(ii)..... [2 markah]
- (d) Sekiranya kawasan Hutan Rizab Senangin diteroka tanpa kawalan dan berleluasa, senaraikan tiga kemungkinan yang akan berlaku terhadap alam sekitar
(i).....
(ii).....
(iii)..... [3 markah]

BAHAGIAN C: STRUKTUR



Foto

Foto di atas menunjukkan pergerakan bumi.

- a) Namakan jenis pergerakan bumi seperti dalam rajah di atas.
 [1 markah]
- b) Tempoh pergerakan satu pusingan lengkap bumi ialah
 [1 markah]
- c) Nyatakan musim yang berlaku apabila bumi berada pada kedudukan
 I
 III [2 markah]
- d) Pada musim apakah Kutub Utara dan Kutub Selatan mengalami siang dan malam yang paling panjang?
 (i)
 (ii)..... [2 markah]
- e) Nyatakan empat kesan yang berlaku akibat pergerakan bumi seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di atas.
 (i)
 (ii)
 (iii)
 (iv) [4 markah]

BAHAGIAN D : ESEI

- (a) Jadual 2 menunjukkan nilai eksport produk industri yang berasaskan sumber di Malaysia pada tahun 2002.

Jenis Produk Industri	Nilai (RM Juta)	Peratus (%)
Industri Berasaskan Kayu	9 200	27.00
Industri Berasaskan Getah	3 700	11.00
Industri Berasaskan Kelapa Sawit	13 300	39.10
Industri Makanan dan Minuman	7 785	22.90
Jumlah	33985	100

Jadual 2

Lukis sebuah carta pai yang menunjukkan nilai eksport produk industri yang berasaskan sumber di Malaysia pada tahun 2002. Gunakan skala 5 cm sebagai jejari untuk menghasilkan carta pai tersebut.

[7 markah]



- (b) Penggunaan tenaga nuklear di lihat semakin penting pada masa kini. Negara kita juga mempunyai potensi untuk memajukan sumber tenaga ini. Pada pendapat anda, wajar atau tidak tenaga ini dimajukan di negara kita. Berikan alasan anda.

[4 markah]

- (c) Terangkan lima kepentingan memajukan tenaga alternatif seperti di 10 (b) kepada Negara Malaysia.

[5 markah]

- (d) Berikan empat kesan terhadap alam sekitar dan manusia jika sumber tenaga tersebut tidak digunakan secara betul.

[4 markah]

JAWAPAN MODUL CEMERLANG SET 7

Bahagian A : SOALAN OBJEKTIF

1. C
2. B
3. C
4. A
5. B
6. B
7. D
8. A
9. B
10. C

BAHAGIAN B : KEMAHIRAN

- 1 (a) Kira bearing masjid Kg. Cengal (RG 715761) dari kuil (RG 731786)

210° - 1 markah

- 211° - 2 markah
- **212° - 2 markah (jawapan utama)**
- 213° - 2 markah
- 214° - 1 markah

[2 markah]

- (b) Ukur jarak jalan kereta api bermula dari jambatan batu (RG 665716) hingga ke jambatan besi (RG 709722)

$$11.4 - 11.6 \times 0.5 = 5.7\text{km} - 5.8\text{km}$$

(terima jawapan tanpa langkah pengiraan)

[2 markah]

- 2 (a) Nyatakan ciri fizikal utama yang menyebabkan kawasan barat laut peta mempunyai taburan penduduk jarang.

- **tanah tinggi**
- **bergunung-ganang**
- **berbukit bukau**
- **berhutan tebal / hutan /**
- **tanah beralun**
- *(terima jika sebut nama gunung) untuk 1 markah*
- *(terima jika sebut hutan rizab senangin) untuk 1 markah*

[1 markah]

- 3 (a) Aras ketinggian jalan raya di RG 723787 ialah meter
67.50 meter [1 markah]
- (b) Senaraikan dua kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di dalam segi empat grid di bawah tanpa menjejaskan alam sekitar.
- **pelancongan / ekopelancongan**
- **pendidikan**
- **sukan / rekreasi**
- **R & D** [2 markah]
- 4 (a) Sebutkan nama tanaman kontan utama di dalam peta
Getah [1 markah]
- (b) Mengapakah tanaman di 4(a) boleh ditanam dengan meluas di dalam peta.
- **Tanah beralun**
- **Tanah pamah yang luas / kawasan yang luas**
- **Bersaliran baik / terdapat sungai**
- **Terdapat jaringan jalan raya / jaringan pengangkutan yang baik**
- **Tenaga buruh yang ramai**
Jawapan tidak diterima (na) – not accepted
Tanah laterit (na)
Tanah subur (na)
Iklm Khatulistiwa (na)
Min Suhu 27° (na)
Hujan 2600 (na) [3 markah]
- 5 (a) Namakan pola petempatan yang terdapat di RG 6476
Berjajar / sejajar
Jawapan tidak diterima (na) – not accepted
Berderet (na)
Sederet (na)
Sebaris (na) [1 markah]
- Berikan dua sebab mengapa pola petempatan di 5(a) berbentuk sedemikian
- (b) - **Terdapat jalan raya yang lurus / di tepi jalan raya / disepanjang jalan raya**
- **Terdapat jalan kereta api**
- **Terdapat sungai** [2 markah]
- (c) Jelaskan bagaimana Hutan Rizab Senangin menyumbang kepada alam sekitar
- **Habitat flora**
- **Habitat fauna**
- **Menyerhanakan suhu**

- Kawasan tadahan / tadahan air hujan
- Mencegah hakisan
- Mencegah tanah runtuh
- Mengurangkan kelajuan angin
- Membekalkan oksigen
- Menyerap karbon dioksida
- Kitaran hidrologi
- Keseimbangan ekosistem

[2 markah]

(d) Sekiranya kawasan Hutan Rizab Senangin diteroka tanpa kawalan dan berleluasa, senaraikan tiga kemungkinan yang akan berlaku terhadap alam sekitar

- Kepupusan flora
- Kepupusan fauna
- Kemusnahan habitat flora
- Kemusnahan habitat fauna
- Hakisan tanah
- Tanah runtuh
- Peningkatan suhu
- Kelajuan angin bertambah
- Banjir lumpur
- Oksigen berkurangan
- karbon dioksida bertambah
- Ketidakeimbangan ekosistem
- Kitaran hidrologi terganggu
- Kawasan tadahan terjejas

[3 markah]

BAHAGIAN C : STRUKTUR

- a) peredaran bumi [1 markah]
- b) 365 1/4 hari / 1 tahun [1 markah]
- c) Musim I= musim bunga [2 markah]
musim III= musim luruh
- d) Di kedudukan II(musim panas) [2 markah]
dan IV(musim sejuk)
- e) Kesan peredaran bumi [4 markah]
 - kejadian empat musim
 - siang dan malam tidak sama panjang
 - kedudukan matahari tengahari yang berbeza
 - gerhana bulan/ matahari

BAHAGIAN D : ESEI

- (a)
 - Tajuk- 01 markah
 - Jejari- 01 markah
 - Sektor- 04 markah
 - Petunjuk - 01 markah
 - Jumlah - 07 markah

(b) **Wajar**

- Lojinya tidak memerlukan kawasan yang luas [1 markah]
- Penting dalam bidang perubatan-x-ray [1 markah]
- Alat pengimbas untuk diagnosis penyakit [1 markah]
- Pensterian alatan perubatan [1 markah]
- Sinaran gamma dapat memandulkan serangga perosak [1 markah]
- Tenaga nuklear penting dalam bidang pertanian [1 markah]
- Teknologi nuklear mengesan kebocoran paip bawah tanah [1 markah]
- Dari segi kos seunit, tenaga nuklear lebih murah daripada petroleum [1 markah]
- Menghasilkan baka tanaman yang lebih baik

Mana- mana 4 x 1 markah [4 markah]

Tidak Wajar

- Bahan radioaktif daripada tenaga nuklear mengancam kesihatan manusia [1 markah]
- Kemalangan di loji nuklear akan menyebabkan kebocoran bahan radioaktif [1 markah]
- Manusia akan terdedah kepada bahaya radiasi [1 markah]
- Membahayakan nyawa manusia [1 markah]
- Orang yang terkena radiasi akan mati atau mengalami mutasi genetik [1 markah]
- Generasi muda yang dilahirkan menghidap penyakit kanser yang pelbagai [1 markah]
- Memerlukan penjagaan yang rapi [1 markah]
- Penyalahgunaan tenaga tersebut untuk menghasilkan senjata- [1 markah]
Mengancam keselamatan
- wujud senjata kimia seperti yang digunakan semasa Perang Vietnam [1 markah]

Mana- mana 4 x 1 markah [4 markah]

- (c) - Mencari tenaga baru yang murah [1 markah]
- Menambah pendapatan Negara [1 markah]
- Menjimatkan kos pengeluaran bagi sektor pembuatan [1 markah]
- Membantu memajukan sektor pertanian [1 markah]
- Sumber tenaga yang berterusan/ boleh diperbaharui [1 markah]
- mengurangkan pencemaran alam [1 markah]
- mengurangkan kebergantungan kepada tenaga api fosil [1 markah]
- memajukan sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D) [1 markah]
- membantu bidang perubatan- mengesan penyakit [1 markah]

Mana- mana 5 x 1 markah [5 markah]

- (d) - Bahan radioaktif daripada tenaga nuklear mengancam kesihatan manusia [1 markah]
- Kemalangan di loji nuklear akan menyebabkan kebocoran bahan radioaktif [1 markah]
- Manusia akan terdedah kepada bahaya radiasi [1 markah]
- Membahayakan nyawa manusia [1 markah]
- Orang yang terkena radiasi akan mati atau mengalami mutasi genetic [1 markah]
- Generasi muda yang dilahirkan menghidap penyakit kanser yang pelbagai [1 markah]
- Memerlukan penjagaan yang rapi [1 markah]
- Penyalahgunaan tenaga tersebut untuk menghasilkan senjata- Mengancam keselamatan [1 markah]
- wujud senjata kimia seperti yang digunakan semasa Perang Vietnam [1 markah]

Mana- mana 4 x 1 markah [4 markah]